

# HAKAM DALAM MAHKAMAH SYARIAH: ANALISIS PELAKSANAANNYA DI SISI PRINSIP SYARIAH DI MALAYSIA

Hammad Mohamad Dahalan Dan Mohamad Azhan Yahya  
Fakulti Syariah Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia  
[hammad@kuis.edu.my](mailto:hammad@kuis.edu.my)

## Abstrak

Hakam merupakan satu proses pendamaian yang dibuat bersama panel keluarga yang dilantik serta pihak-pihak dalam perceraian. Hakam juga berperanan mendapatkan kuasa talak daripada suami sekiranya proses pendamaian gagal. Justeru itu, kajian ini menjurus kepada pelaksanaan hakam di sisi prinsip syariah dan bagaimanakah penerimaan prinsip-prinsip tersebut oleh mahkamah syariah di Malaysia. Kajian ini adalah merupakan suatu kajian perundangan yang menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif. Ianya merupakan suatu kajian imperikal yang menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Dalam kajian perpustakaan yang dilaksanakan, kajian ini menggunakan kaedah-kaedah analisis kandungan dan analisis kritis dalam menganalisis maklumat serta data yang diperolehi dari bahan-bahan ilmiah seperti buku, artikel serta laporan kes dari jurnal dalam isu berkaitan Hakam dari perspektif prinsip Syariah. Kaedah kajian lapangan turut digunakan bagi memperkukuhkan dapatan-dapatan kajian yang sedia ada. Kajian ini kemudiannya mendapati masih terdapat kelompangan dalam pelaksanaan Hakam yang boleh diperjelaskan serta diperkemas lagi. Kajian turut mendapati terdapat keperluan untuk memperjelaskan lagi pelaksanaan Hakam di dalam peruntukan undang-undang. Berdasarkan kedua-dua dapatan tersebut, kajian ini akhirnya mengemukakan cadangan agar pelaksanaan hakam dalam mahkamah syariah diperjelaskan dan diperkemas. Kajian juga turut mencadangkan agar Mahkamah Syariah di Malaysia mengambil pendirian yang jelas untuk menerima pakai secara mutlak dan seragam proses pemakaian hakam yang seragam.

**Kata Kunci:** Hakam, Prosedur Mahkamah Syariah, Prinsip Syariah, Kemaslahatan, Keadilan.

## 1.0 PENGENALAN

Tahkim dari segi bahasa membawa erti memberi kuasa menjatuhkan hukuman kepada seseorang.<sup>1</sup> Tahkim menurut istilah adalah hampir sama dengan pengertian bahasa, kerana ia bermaksud sesuatu proses di mana pihak-pihak yang bertikai melantik seseorang untuk menjadi hakam bagi menyelesaikan pertikaian yang timbul di antara mereka berlandaskan Hukum Syarak. Orang yang dilantik untuk mengadili mereka yang bertikai itu dinamakan sebagai '*hakam*' atau '*muhakam*'. Kedudukan tahkim ini adalah lebih rendah berbanding dengan al-Qadha ataupun kehakiman.

Hakam diperuntukkan dengan jelas di bawah Seksyen 48 di bawah enakmen yang sama. Hakam juga terdiri daripada kalangan saudara-mara terdekat iaitu dua penimbang tara (Hakam) yang mempunyai makluman berkaitan isu rumah tangga pihak-pihak untuk

---

<sup>1</sup> Kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Kaedah Alternatif Penyelesaian Pertiakain Menurut Islam* bertarikh 5-6 November 2001 di Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

bertindak bagi pihak suami dan isteri tersebut. Pelantikan hakam dibuat setelah mahkamah berpuas hati perkelahian (syiqaq) sentiasa berlaku antara pihak-pihak dalam tempoh perkahwinan tersebut selepas selesai urusan perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai gagal atau menemui jalan buntu.<sup>2</sup>

Hakam hendaklah berusaha mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal pihak-pihak (Hakam suami daripada suami dan Hakam isteri daripada isteri). Malah, Hakam suami boleh diberi kuasa melafazkan talak bagi pihak suami. Sesi perbincangan menerusi Hakam ini juga tertakluk kepada arahan mahkamah dan hendaklah mengikut hukum syarak. Jika Hakam berpendapat pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian kerana sebab lain, mahkamah boleh melantik Hakam yang lain untuk proses yang sama.<sup>3</sup>

Jika Hakam di pihak suami enggan melafazkan cerai tetapi meminta perceraian dibuat secara tebus talak dan Hakam isteri bersetuju, mahkamah juga boleh mengarahkan perceraian tersebut dilakukan secara tebus talak. Kesemua prosiding ini termasuk Hakam akan mengambil masa lebih kurang enam bulan hingga setahun untuk selesai sekiranya pihak-pihak memberikan kerjasama yang baik dan suami hadir ke mahkamah.<sup>4</sup>

Namun demikian, sekiranya pihak suami gagal menghadirkan diri dan tidak melantik sebarang Hakam, maka prosiding ini tidak boleh diteruskan. Ketika itulah pilihan atau talian hayat yang boleh diteruskan oleh isteri bagi membubarkan perkahwinan melalui kaedah-kaedah pembubaran perkahwinan yang lain sepertimana yang telah diperuntukkan dalam Akta atau Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia iaitu sama ada melalui proses fasakh atau taklik.

Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2006 diwujudkan bagi membenarkan hakam dilantik dan mengambil peranannya.<sup>5</sup> Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ini memperuntukkan situasi tertentu supaya kaedah hakam dapat digunakan. Ini termasuklah:<sup>6</sup>

- (a) Perbalahan di antara suami isteri yang timbul daripada nusyuz isteri, atau disebabkan kezaliman suami, ataupun berlaku kesamaran siapa yang benar dan dusta dalam perbalahan yang berlaku;
- (b) Perbalahan dan tuduh-menuduh yang masing-masing tidak melaksanakan tanggungjawab suami atau isteri;
- (c) Kedua-duanya saling menuduh berkawan dengan perempuan/lelaki sehingga melewati batas syarak;
- (d) Tuduh-menuduh berkaitan kelalaian dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anak dalam perkahwinan;
- (e) Aduan isteri tidak sabit dan ditolak oleh Mahkamah Syariah kerana tidak ada bukti, dan Mahkamah mendapati pertikaian sentiasa berlaku; dan,
- (f) Sebarang tindakan yang menyebabkan mudarat terhadap isteri

Di Selangor, bagi memastikan pendekatan tahkim ini dapat melaksanakan fungsinya secara berkesan maka Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 digubal. Kaedah-kaedah ini diwujudkan bagi menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 48, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2013. Secara ringkasnya, Seksyen 48 memperuntukkan tentang timbang tara hakam bagi mengurus perkelahian yang wujud antara suami isteri dan ketegangan berkenaan berlaku secara berterusan. Perkara ini

---

2 Seksyen 48 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

3 Seksyen 48 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

4 Seksyen 48 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

5 Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Tahun 2006.

6 Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Tahun 2006.

timbul disebabkan Seksyen 47, perceraian dengan talak atau dengan perintah, enggan digunakan secara bersama oleh pihak-pihak yang terlibat.<sup>7</sup>

Pelaksanaan Hakam di mahkamah syariah dapat dilihat dalam kes *Azizah bt Awang Puteh lawan Zuhan b Jaafar*<sup>8</sup>, dalam kes ini Hakam telah dilantik bagi menyelesaikan pertikaian yang berlaku antara suami dan isteri. Seterusnya dalam kes *Suridah bt Hashim lawan Mohd Nuh b Hashim*<sup>9</sup>, dalam kes ini Mahkamah tinggi Syariah Kota Bharu telah membuat keputusan untuk melantik Hakam bagi kedua-dua belah pihak. Pelaksanaannya turut dapat disaksikan dalam kes *Hamimah bt Zakaria lawan Nasir b Ahmad*<sup>10</sup>, dalam kes ini pada 17 Oktober 2000, pihak mahkamah menagrahkan Hasan b Mohd Nor dan Abdul Ghani b Mohammad dilantik menjadi Hakam bagi pihak-pihak. Penghakiman yang dibuat oleh hakim mengendalikan kes telah mengesahkan cerai dengan talak satu beserta tebus talak sebanyak RM 1500.00. Keputusan tersebut telah dibuat hasil daripada pelantikan dan maklumat yang diperolehi daripada Hakam.

Di mahkamah sivil, pelaksanaan hakam dapat dilihat dalam kes..... masukkan kes berkiatan arbitration... masukkan juga kes berkaitan bukanm perceraian tetapi masih lagi dalam ruang lingkup kekeluargaan yang mana kes itu menggunakan arbitration....masukkan dalam 5 kes.

## **2.0 HAKAM DI MAHKAMAH SYARIAH: ANALISIS PELAKSANAANNYA BERDASARKAN PRINSIP SYARIAH**

*Tahkim* atau timbangtara (*arbitration*) adalah suatu strategi penyelesaian konflik. Kaedah ini apabila pihak yang bertikai tidak mampu menyelesaikan sendiri konflik yang sedang terjadi antara mereka, dan meminta pihak ketiga sebagai orang tengah samada individu, institusi, lembaga, organisasi ataupun negara untuk menjadi penimbangtara atau *Muhakkim*. Dalam konteks ini semua pihak terikat dengan keputusan yang dibuat oleh penimbangtara. Penimbangtara dituntut supaya bersikap neutral tidak cenderung kepada mana-mana pihak yang bertikai.

Dalam catatan sejarah, amalan tahkim pernah dilakukan oleh sahabat ketika terjadi perang Siffin (657 M/37 H) antara Ali bin Abi Talib dengan Mu`awiyah bin Abi Sufyan. Konflik pada masa itu telah mencetuskan peperangan di kalangan orang Islam bahkan telah meninggalkan kesan negatif di kalangan umat Islam itu sendiri. Bahkan ada pendapat mengatakan bahawa konflik tersebut telah menyebabkan munculnya *firqah* atau puak-puak dalam Islam. Kaedah yang ditawarkan oleh sahabat Nabi S.A.W. Amru Bin As untuk mengakhiri konflik pihak yang bersengketa adalah salah satu metod damai dalam Islam. Amru Bin As dalam slogannya mengatakan:<sup>11</sup>

الحكم للقرآن ال للسيف

“Berhukum dengan Al-Qur`an bukan dengan pedang.”

Maksud berhukum dengan Al-Qur`an ialah kembali pada kitab Allah, dan maksud bukan dengan pedang ialah bukan dengan melakukan perang sesama kaum muslimin. Pada

7 Kaedah-Kaedah Hakam Negeri Selangor 2014

8 Norzulalili Mohd Ghazali. Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2007. Nusyuz, Shiqaq dan Hakam. Negeri Sembilan. Kolej Universiti Islam Malaysia. Hlm 88.

9 Norzulalili Mohd Ghazali. Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2007. Nusyuz, Shiqaq dan Hakam. Negeri Sembilan. Kolej Universiti Islam Malaysia. Hlm 89.

10 Norzulalili Mohd Ghazali. Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2007. Nusyuz, Shiqaq dan Hakam. Negeri Sembilan. Kolej Universiti Islam Malaysia. Hlm 90.

11 Rasyad Hasan Khalil (t.t), Al-Sami fi Tarikh al-Tasyri` al-Islami. Kaherah: Universiti al-Azhar, hlm. 47-48.

tawaran Amru bin As ini, yang menjadi penimbangtara adalah al-Qur'an. Kerana persoalan ketika itu tidak dapat diselesaikan sendiri oleh mereka. Sehingga mereka melihat al-Qur'an sebagai kitab yang mampu mendamaikan mereka. Dari satu sisi tindakan Amru bin As dapat disebut juga sebagai penimbangtara, kerana beliau bertindak sebagai orang ketiga yang membuat aturan bagi mengikat kedua belah pihak iaitu dengan cara merujuk kepada al-Qur'an. Walaupun penyelesaian konflik dengan kaedah Tahkim yang ditawarkan oleh Amru bin As tidak sepenuhnya berjaya menyelesaikan konflik, kaedah tersebut telah digunakan bagi menyelesaikan konflik dalam Islam. Metode yang telah dirintis oleh Amru bin As ini menjadi rujukan ilmiah dalam Islam untuk dapat dikembangkan dalam penyelesaian konflik secara damai di masa akan datang.

Pendekatan dan kaedah penyelesaian pertikaian melalui Hakam membantu menyelesaikan pertikaian tanpa melalui sistem keadilan mahkamah. Hal ini berteraskan firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Dan jika kamu khawatir ada persengketaan antara keduanya, Maka kirimlah seorang hakam dari keluarga laki-laki dan seorang hakam dari keluarga perempuan. jika kedua orang hakam itu bermaksud mengadakan perbaikan, niscaya Allah memberi taufik kepada suami-isteri itu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.

Al-Nisa'(4):35

Ayat di atas menunjukkan bahawa apabila berlaku sebarang perselisihan antara suami dan isteri, dua orang hakam hendaklah dilantik untuk berusaha sehabis baik untuk menghilangkan perselisihan antara keduanya. Hakam hendaklah berusaha untuk mendamaikan pasangan tersebut agar mereka berbaik-baik semula dan merasai kemanisan berumah tangga.<sup>12</sup> Ayat ini memberi keharusan kepada pihak-pihak yang terlibat seperti hakim atau suami isteri untuk menyelesaikan pertikaian mereka dengan cara melantik hakam.

Berkaitan dengan hakam, Rasulullah S.A.W ada menyebut dalam sabda baginda. Mafhumnya:

Sesiapa yang menghukum antara dua pihak yang bertikai kepadanya dan kedua-duanya redha dengannya sedangkan dia (hakam) itu tidak berlaku adil antara kedua-duanya dengan sebenarnya, maka ke atasnya laknat Allah.

Rasulullah S.A.W. juga pernah melantik dan memperakui Sa'ad Bin Muaz sebagai hakam untuk menghukum Bani Quraizah dan mereka bersetuju menerima hukuman hakam yang dilantik.<sup>13</sup> Ketika pengagihan harta zakat yang dilakukan dalam kalangan Bani al-Anbar, Rasulullah S.A.W juga telah memperakui penghakiman yang dibuat oleh al-A'war bin Bashamah. Walaupun tiada perincian yang jelas di sisi prinsip syariah berkaitan pelaksanaan Hakam ini tetapi ianya perlu dianggap sebagai salah satu bentuk penyelesaian pertikaian yang penting. Ini kerana pelaksanaan Hakam dapat membantu mahkamah untuk menyelesaikan pertikaian serta *shiqaq* yang berlaku antara pasangan suami dan isteri.

### 3.0 HAKAM: PELAKSANAANNYA DI MAHKAMAH SYARIAH

Hakam menurut istilah undang-undang membawa maksud seseorang penimbang tara yang diberi kuasa oleh pihak-pihak atau oleh Mahkamah untuk menyelesaikan perkelahian

12 Najibah Mohd Zain et al. 2007. Undang-Undang Keluarga Islam. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka. Hlm 68.

13 Ibnu Nujaym. T.t. Al-Bahr al-Raiq Sharh Kanz al-Daqaiq. Pakistan:Al-Maktabah al-Majhiyyah. Jil.5. Hlm 498.

(*shiqaq*) antara suami dan isteri berdasarkan Kaedah-Kaedah Hakam Negeri Selangor tahun 2014.

Hakam (menjadikan sebagai hakim) iaitu berlindungnya dua pihak yang bersengketa kepada orang yang mereka sepakati dan dipersetujui, serta rela menerima keputusannya untuk menyelesaikan persengketaan mereka. Dapat juga dikatakan bahwa tahkim iaitu berlindungnya dua pihak yang bersengketa kepada orang yang mereka tunjuk (sebagai penengah) untuk memutuskan/ menyelesaikan perselisihan yang terjadi di antara mereka. Kedua definisi tersebut menunjukkan bahwa pemilihan dan pengangkatan seorang juru damai (hakam) dilakukan secara sukarela oleh kedua belah pihak yang terlibat persengketaan.<sup>14</sup>

Hakam atau timbangtara, Menurut Seksyen 48 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, mahkamah akan melantik penimbangtara atau hakam sekiranya berlaku *shiqaq* antara pihak suami dan isteri. Hakam adalah individu yang bertanggungjawab mencari jalan penyelesaian terhadap pertikaian yang berlaku antara pasangan suami isteri. Walaupun begitu, hakam tidak semestinya dilantik dalam semua krisis rumah tangga melainkan kes yang telah jelas berlakunya *shiqaq* tetapi tidak diketahui punca pertikaian tersebut.<sup>15</sup>

Hakam telah dilaksanakan dalam sistem kehakiman di Malaysia. Artikel ini telah mengkaji banyak kes-kes berkaitan pelaksanaan Hakam. Namun, untuk tujuan kajian artikel ini, hanya ingin membincangkan empat jenis tuntutan kes Hakam iaitu Hamimah bt Zakaria lawan Nasir b Ahmad, Rosilah bt Abu Kasim lwn Abd Rahman bin Ibrahim, Razimah Haneem binti Mohd Ismail lwn Yusuf bin Hasbullah dan Nerat bt Musa lawan Ahmad bin Kancil.

### **3.1 Kajian Kes 1:**

#### **3.1.1 Hamimah bt Zakaria lawan Nasir b Ahmad<sup>16</sup>**

Kes ini telah didaftarkan pada 16 Mac 1999. Pada 22 Jun 1998, isteri telah meninggalkan suami dan empat orang anak tanpa sebarang khabar berita selama enam bulan. Pada 17 Oktober 2000, pihak mahkamah mengarahkan Hasan b Mohd Nor dan Abdul Ghani b Mohammad dilantik menjadi Hakam bagi pihak-pihak. Penghakiman yang dibuat oleh hakim mengendalikan kes telah mengesahkan cerai dengan talak satu beserta tebus talak sebanyak RM 1500.00. Keputusan tersebut telah dibuat hasil daripada pelantikan dan maklumat yang diperolehi daripada Hakam.

Kajian mendapati bahawa pelaksanaan Hakam di mahkamah syariah adalah untuk menyelesaikan pertikaian di antara suami dan isteri. Kajian juga mendapati bahawa mahkamah mengarahkan pelantikan Hakam dibuat setelah berlakunya *shiqaq* yang tidak dapat dipulihkan. Dalam kes ini pihak isteri telah bertindak keluar dari rumah selama enam bulan tanpa sebarang khabar berita. Berdasarkan tindakan isteri tersebut, mahkamah mengarahkan Hakam dilantik.

---

14 Hayatul Ruhayah. 2011. Tradisi Hakam Sebagai Bantuan Hukum Pada Masa Nabi SAW s/d Khulafaur Rasyidin. Disertasi Sarjana, Fakulti Syariah, Institut Agama Islam Negeri Walisongo, Semarang.

15 Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim dan Intan Nadia Ghulam Khan. Op.Cit

16 Norzulalili Mohd Ghazali. Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2007. Nusyuz, Shiqaq dan Hakam. Negeri Sembilan. Kolej Universiti Islam Malaysia. Hlm 90.

### 3.2 Kajian Kes 2:

#### 3.2.1 Rosilah bt Abu Kasim lwn Abd Rahman bin Ibrahim (1993)<sup>17</sup>

Plaintif didalam kes ini telah membuat tuntutan fasakh terhadap defendan (suaminya) atas alasan suami tidak memberi nafkah, selalu bergaduh, mengugut dan menghalaunya. Si suami telah menafikan dakwaan tersebut. Selepas mendengar keterangan kedua-dua pihak, YA Hakim berpendapat kes ini memerlukan penyiasatan yang rapi bagi faedah dan kebajikan kedua-dua pihak. Hakim kemudiannya memerintahkan perlantikan Hakam berdasarkan seksyen 47(5) Enakmen Keluarga Islam (Negeri Selangor)1984. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pendakwa Mahkamah Syariah Negeri dan setiap pihak diwakili oleh seorang. Jawatankuasa ini telah menjalankan tugas mereka dan kemudiannya berpendapat:

- (a) rumah tangga kedua-dua pihak sudah tidak ada kebajikan lagi.
- (b) pihak isteri meminta supaya dilepaskan tetapi pihak suami masih kasih lagi.
- (c) anak-anak masih di bawah penjagaan isteri
- (d) keamanan pasti tidak akan tercapai jika kedua-dua masih bersama kerana pihak isteri masih berkeras hati.

Berdasarkan kes ini, Hakam telah mencadangkan supaya kes ini disegerakan dan diputuskan sama ada cerai biasa atau tebus talak kerana kedua-dua masih lagi tidak tinggal bersama. Kajian mendapati bahawa mahkamah membenarkan perceraian berlaku di bawah Hakam setelah mendapati berlakunya shiqaq. Kajian turut mendapati dalam kes ini, pelaksanaan hakam dibuat setelah pihak-pihak gagal dalam proses pendamaian dalam seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam.

### 3.3 Kajian Kes 3:

#### 3.3.1 Azizah bt Awang puteh lawan Zuhan b Jaafar<sup>18</sup>

Kes ini telah didaftarkan pada 22 Julai 1998. Dalam kes ini, pihak isteri telah menyatakan sebab-sebab permohonan dibuat iaitu tidak adil dalam berpoligami dan tidak memberi nafkah secara teratur. Pada 8 Ogos 2000 mahkamah telah memerintahkan kepada pasangan suami isteri tersebut mencalonkan dua orang Jawtankuasa Pendamai yang terdiri daripada seorang imam Mukim dan seorang Penghulu Mukim. Pada 15 November 2000 mahkamah telah mengesahkan pelantikan tersebut. Pada 21 disember mahkamah meminta Zuhan b Jaafar untuk membawa wakil hakam. Sekiranya Zuhan b Jaafar tidak dapat membawa wakil, mahkamah akan melantik hakam daripada pihak mahkamah sendiri memandangkan perjalanan kes ini telah berlarutan begitu panjang.

Berdasarkan kes ini, kajian mendapati bahawa pihak mahkamah boleh melantik hakam daripada wakil mahkamah sendiri sekiranya pihak-pihak gagal untuk membawa wakil untuk dilantik sebagai Hakam dalam menyelesaikan pertikaian yang di hadapan mahkamah.

---

<sup>17</sup> Najibah Mohd Zain et al. 2007. *Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka.

<sup>18</sup> Norzulalili Mohd Ghazali. Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2007. *Nusyuz, Shiqaq dan Hakam*. Negeri Sembilan. Kolej Universiti Islam Malaysia. Hlm 88.

### **3.4 Kajian Kes 4:**

#### **3.4.1 Nerat bt Musa lawan Ahmad bin Kancil.<sup>19</sup>**

Di dalam kes ini, terdapat pertikaian antara suami dan isteri. Isteri telah menfailkan perceraian secara khulu' tetapi suaminya tidak menerima. Maka Mahkamah memutuskan di bawah Enakmen Pentadbiran Syariah Negeri Perlis 1964 untuk menyerahkan kes tersebut kepada Hakam. Hakam bagi pihak suami bersetuju bagi perceraian secara khulu' dan isteri telah membayar seratus lima puluh Ringgit Malaysia dan setelah isteri membayar amaun tersebut, si suami telah melafazkan talak kepada isterinya.

### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah merupakan suatu kajian perundangan yang menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif. Ianya merupakan suatu kajian imperikal yang menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Dalam kajian perpustakaan yang dilaksanakan, kajian ini menggunakan kaedah-kaedah analisis kandungan dan analisis kritis dalam menganalisis maklumat serta data yang diperolehi dari bahan-bahan ilmiah seperti buku, artikel serta laporan kes dari jurnal dalam isu berkaitan hakam dari perspektif prinsip Syariah. Kaedah kajian lapangan turut digunakan bagi memperkukuhkan dapatan-dapatan kajian yang sedia ada.

### **5.0 PELAKSANAAN HAKAM DI MAHKAMAH SYARIAH: ANALISIS PERMASALAHAN DAN DAPATAN BERDASARKAN SENARIO DI MAHKAMAH SYARIAH**

Kajian mendapati bahawa peruntukan seksyen 47 dan seksyen 48 Enakmen Keluarga Islam ini mempunyai banyak persamaan dari segi peruntukannya yang akan diterangkan secara jelas di bab yang seterusnya. Sebagai contoh Jawatankuasa Pendamai dan Hakam hendaklah menjalankan perdamaian ataupun penyelesaian pertikaian berdasarkan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah dan Mahkamah mempunyai kuasa untuk memecat kedua-dua jawatankuasa ini sekiranya mereka gagal dalam usaha mendamaikan dengan sebaik mungkin.

Kajian juga mendapati bahawa Seksyen 47 (5) adalah berkaitan kes-kes yang difailkan untuk perceraian sebelah pihak sama ada daripada pihak isteri atau suami dan mempunyai unsur-unsur yang dikenalpasti oleh Mahkamah bahawa pasangan tersebut masih lagi boleh melalui proses perdamaian sedangkan Seksyen 48 ialah berkaitan pemfailan kes-kes syiqaq antara pihak-pihak yang bertikai serta adalah tanggungjawab Mahkamah untuk mengenalpasti sama ada berlaku syiqaq atau tidak dalam sesuatu kes yang sampai kepada Mahkamah. Penyiasatan ini adalah penting untuk menentukan sama ada kes yang difailkan tersebut perlu melalui Seksyen 47 atau Seksyen 48. Walaupun begitu, tidak ada sebarang panduan untuk membantu Mahkamah dalam menentukan seksyen apakah yang perlu digunakan.<sup>20</sup>

Seterusnya kajian mendapati bahawa Seksyen 47 (5) adalah peruntukan bagi pelantikan Jawatankuasa Pendamai dan seksyen 48 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 memperuntukkan pelantikan Hakam. Peruntukan di bawah seksyen.48 adalah selaras dengan syor yang dinyatakan dalam Al-Quran bahawa dalam hal

---

<sup>19</sup> Nerat bt Musa lwn Ahmad bin Kancil, Jurnal Hukum 101. (1965) 3

<sup>20</sup> Nora Abdul Hak. 2002. Islamic Arbitration (tahkim) and Mediation in Resolving Family Dispute – A Comparative Study Under Malaysia and English Law. Glasgow. Caledonian University. Hlm. 103.

perselisihan perkahwinan, kaedah penyelesaian ini harus diterima pakai. Berkaitan dengan Jawatankuasa Pendamai pula tidak ditetapkan di dalam Al-Quran mahupun Sunnah namun ia berdasarkan kepada Siyasa Syari'yyah kerana ia memerlukan sebuah jawatankuasa yang boleh menyiasat terlebih dahulu sebab dan punca sesuatu konflik antara suami isteri itu berlaku.<sup>21</sup>

Sehubungan dengan itu, kajian ini membincangkan pelaksanaan Hakam di sisi prinsip syariah. Secara umum, Hakam adalah alternatif terakhir dalam usaha menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku dalam sesebuah rumah tangga. Hakam berperanan mendamaikan pasangan suami isteri apabila mereka gagal menyelesaikan masalah tanpa campur tangan orang luar. Kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan Hakam secara terperinci tidak ada dinyatakan di dalam prinsip syariah. Hanya pelaksanaan Hakam secara umum sahaja yang ada diperjelaskan.

Kajian ini juga membincangkan pelaksanaan Hakam di mahkamah syariah. Dalam hal ini, kajian mendapati bahawa prinsip syariah berkaitan pelaksanaan Hakam mengiktirafnya sebagai satu bentuk penyelesaian pertikaian antara suami dan isteri. Pelaksanaan tersebut berfungsi untuk mengukuhkan lagi penyelesaian-penyelesaian lain yang dilaksanakan di mahkamah. Pelaksanaan Hakam tersebut juga boleh diterima oleh mahkamah setelah dibuktikan dengan laporan daripada wakil-wakil yang dilantik untuk menunjukkan bahawa *shiqaq* yang berpanjangan telah berlaku. Namun, penyelidik turut mendapati bahawa pelaksanaan Hakam dalam peruntukan undang-undang mahupun arahan amalan masih lagi tidak begitu jelas diperkatakan.

Walaupun tiada perincian yang jelas berkaitan pelaksanaan Hakam di sisi prinsip syariah berkaitan prosedurnya, pelaksanaan Hakam sedemikian adalah merupakan suatu bentuk penyelesaian alternatif yang memainkan peranan yang penting dalam proses kes mal (kes permohonan perceraian) di mahkamah syariah. Ianya membantu mendamaikan pihak-pihak yang bertelingkah setelah campur tangan orang luar gagal (proses Jawatan Kuasa Pendamai). Ini kerana sekiranya pelaksanaan Hakam telah dibuat dan proses pendamaian telah dibuat dengan bantuan wakil daripada ahli keluarga. Maka dengan fakta serta keterangan sedia ada melalui kedua-dua proses tersebut akan membantu meyakinkan mahkamah untuk membuat sesuatu keputusan sama ada membenarkan perceraian ataupun tidak.

Ketiadaan prosedur operasi standard dalam pelaksanaan hakam yang jelas dari perspektif prinsip syariah serta peruntukan undang-undang di negara ini telah mengakibatkan wujudnya pandangan yang berbeza dalam pelaksanaannya di kalangan pengamal undang-undang. Ini dapat dilihat dalam kes *Hamimah bt Zakaria lawan Nasir b Ahmad*<sup>22</sup> dan *Rosilah bt Abu Kasim lwn Abd Rahman bin Ibrahim*<sup>23</sup> di mana dalam kedua-dua kes tersebut telah berlaku *shiqaq* dan pelaksanaan Hakam tersebut dibuat dalam keadaan prosedur yang berbeza.

## 6.0 PELAKSANAAN HAKAM DI MAHKAMAH SYARIAH: KE ARAH CADANGAN PEMERKASAAN

Berdasarkan kedua-dua dapatan tersebut, kajian ingin mengemukakan dua bentuk cadangan seperti berikut:

(a) Prinsip syariah berkaitan hakam dan pelaksanaannya harus diperjelaskan dan

---

21 Nora Abdul Hak, 2002. Islamic Arbitration (Tahkim) and Mediation in Resolving Family Dispute – Comparative Study Under Malaysian and English Law. University of Caledonian. Glasgow. m/s 103

22 Norzulalili Mohd Ghazali. Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2007. Nusyuz, Shiqaq dan Hakam. Negeri Sembilan. Kolej Universiti Islam Malaysia. Hlm 90.

23 Najibah Mohd Zain et al. 2007. Undang-Undang Keluarga Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

diperkemas. Para ulama' dan pakar dalam bidang kekeluargaan dan prosedur syariah di negara ini harus bersepakat dalam pendefinisian dan pelaksanaan hakam. Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyemak enakmen syariah di negara ini harus membincangkan idea untuk mengemaskini pelaksanaan Hakam di dalam kaedah-kaedah Hakam dan enakmen kekeluargaan syariah di seluruh negara. Ianya bertujuan untuk mengkaji ruang untuk memperkemas, memperjelaskan serta memperincikan berkaitan Hakam serta pelaksanaannya. Jika proses ini boleh berlaku, ianya memberi indikasi bahawa terdapat persetujuan di kalangan pakar undang-undang kekeluargaan Islam dan prosedur syariah di negara ini untuk memperluaskan maksud Hakam di mahkamah syariah agar merangkumi pelaksanaan Hakam dalam perbicaraan kes-kes mal selain daripada perceraian.

- (b) Bahawa Mahkamah Syariah di Malaysia perlu mengambil pendirian yang jelas untuk menerima pakai secara mutlak dan seragam pelaksanaan Hakam sebagai penyelesaian pertikaian dalam mana-mana perbicaraan kes mal syariah. Justeru pihak berwajib di peringkat penguatkuasaan negeri harus mengadakan perbincangan ke arah mewujudkan suatu ketetapan berbentuk prosedur dan pengoperasian untuk menyeragamkan pelaksanaan Hakam di mahkamah syariah.

## **7.0 KESIMPULAN**

Proses Hakam kerap kali digunakan di mahkamah syariah dalam menyelesaikan permohonan perceraian yang dimohon oleh pihak-pihak. Walaubagaimanapun, di mahkamah sivil, pelaksanaan arbitrase (Hakam) tidak terhad kepada proses perceraian sahaja. Pelaksanaan arbitrase di mahkamah sivil lebih luas serta terbuka kepada penyelesaian selain daripada perceraian seperti penyelesaian kepada hak penjagaan anak, hak nafkah anak dan lain-lain lagi. Namun umumnya, pelaksanaan Hakam membabitkan suatu yang hendak diselesaikan tanpa menggunakan proses litigasi. Sungguhpun begitu, tidak ada pendefinisian yang jelas dibuat berkaitan dengan pelaksanaan Hakam dari perspektif prinsip syariah. Malah pelaksanaannya dalam kes mal syariah di negara ini juga kurang jelas. Justeru kajian ini mengemukakan cadangan dalam usaha memastikan agar pelaksanaan Hakam menjadi teratur serta lebih luas lagi ruang lingkup pelaksanaannya dalam mana-mana perbicaraan kes Mal di mahkamah syariah di Malaysia.

## **8.0 RUJUKAN**

- Abd Karim Zaydan. 2010. *Sistem Kehakiman Islam (terj)* oleh Haji Mohamad Saleh Bin Haji Ahmad. Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Kaedah Alternatif Penyelesaian Pertikaian Menurut Islam* bertarikh 5-6 November 2001 di Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Najibah Mohd Zain et al. 2007. *Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Norzulalili Mohd Ghazali, Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2007. *Nusyuz, Shiqaq dan Hakam*. Negeri Sembilan. Kolej Universiti Islam Malaysia..
- Syed Khalid Rashid. 2006. *Alternative Dispute Resolution In Malaysia*. Kulliyah of Law IIUM : Kuala Lumpur.

YAA Dato' Haji Muhammad Asri Bin Abdullah di dalam kertas kerja *Kaedah Alternatif Penyelesaian Pertikaian Menurut Islam* bertempat di Dewan Besar IKIM pada 5-6 November 2001 bersamaan 19-20 Syaaban 1422H.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

Kaedah-Kaedah Hakam

Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia